

06/08/1997

Terima usaha kerajaan bangun tanah NCR

Rosli Safar

"KITA hendaklah menyedari bahawa segala sumber tenaga, masa, fikiran dan modal perlu digunakan sepenuhnya bagi menggerakkan kita kepada tahap pembangunan lebih tinggi lagi.

"Tidak sesiapa pun yang dapat menolong mereka yang tidak berusaha dengan jujur untuk menggunakan tenaga, masa, fikiran dan modal bagi kebaikan diri.

"Walaupun kerajaan telah, sedang dan akan berusaha bagi membolehkan rakyat memajukan diri dan memperbaiki kehidupan mereka, faedah pembangunan tidak mungkin dapat dinikmati sepenuhnya oleh mereka yang tidak bersedia untuk menggunakan sumber yang disediakan itu." - Petikan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Hari Kebangsaan Ke-24, pada 31 Ogos 1981.

Kawan mengajak pembaca semua mengimbuai kembali ucapan yang Perdana Menteri 16 tahun lalu, bukan kerana berasaskan ramai yang sudah lupa kata hikmat itu, tetapi cuma mahu menyatakan bahawa sehingga kini pun kita tidak seharusnya berdiam diri menunggu kerajaan melihat permasalahan dan menyelesaikan kekusutan yang kita hadapi.

Sebagai rakyat negara merdeka yang akan menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-40 pada 31 Ogos ini, rasanya elok jika kawan mengajak pembaca mengimbuai sejarah kebangkitan negara, mengenai susah payah pejuang negara merealisasikan impian untuk mewujudkan negara merdeka hingga kepada susah payah kerajaan mengekang segala halangan ke arah memakmurkan rakyat dengan pembangunan.

Kemakmuran yang diimpikan sudah pun dapat dinikmati, malah kita mungkin lebih maju berbanding rakyat negara yang seangkatan negara kita mengecap erti kemerdekaan.

Namun apa yang kawan hendak ketengahkan pada minggu ini ialah sikap sesetengah penduduk yang masih tidak yakin terhadap program kerajaan untuk faedah bersama.

Kawan tidak mahu meninjau jauh, cukup melihat di sekitar sempadan Sarawak yang keyakinan rakyatnya terhadap program pembangunan kerajaan masih belum mencapai tahap menggalakkan.

Program pembangunan tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) secara komersil adalah program murni kerajaan mengajak kaum Bumiputera, khususnya di luar bandar berada dalam arus pembangunan.

Sungguh pun kehidupan pemilik NCR nampak miskin, namun mereka mempunyai tanah yang boleh dijadikan modal untuk mengecapi kehidupan lebih baik.

Dalam hal ini pemilik NCR perlu jujur kepada diri sendiri dengan mengambil langkah sewajarnya untuk membangunkan tanah milik mereka, serta pada masa yang sama menggunakan sumber yang kerajaan sediakan bagi mencapai matlamat itu.

Kerajaan merancang program pembangunan tanah NCR secara komersil bukan dengan niat untuk menyusahkan rakyat sebaliknya untuk merencanakan masa depan yang lebih baik.

Jadi mengapa perlu menolak program pembangunan tanah NCR oleh kerajaan dan memberi kuasa kepada pihak lain yang tidak diketahui `niatnya' untuk memajukan tanah mereka.

Kes pemilik tanah NCR ditipu oleh pihak tidak bertanggungjawab, sudah acap kali diutarakan, khususnya oleh pemimpin negeri Sarawak.

(END)